

SIT meterai kerjasama dengan Sekolah Seni Glasgow dalam dua program sarjana muda

INSTITUT Teknologi Singapura (SIT) semalam menandatangani perjanjian kerjasama dengan Sekolah Seni Glasgow (GSA) bagi menawarkan dua program sarjana muda dalam bidang seni.

SIT menawarkan program sarjana muda dalam jurusan Rekaan Perhubungan dan jurusan Rekaan Dalam di bangunan SIT di Politeknik Temasek, atau dikenali sebagai SIT@TP, apabila ia siap menjelang suku akhir 2014 nanti.

Sebagai sebahagian daripada perjanjian tersebut, pihak SIT dan GSA juga bekerjasama dengan Majlis Reka Bentuk Singapura bagi mengenali kemahiran tertentu yang diperlukan bagi memenuhi permintaan yang semakin meningkat dalam industri rekaan.

Para pelajar politeknik yang mendaftar bagi program-program tersebut berpeluang mendapatkan ijazah dengan kepujian, hanya selepas dua tahun mengikuti program yang ditawarkan.

Program sarjana muda dalam jurusan Rekaan Perhubungan tertumpu pada tiga pengkhususan, iaitu rekaan grafik, ilustrasi dan fotografi.

Program tersebut bertujuan menggalak pelajar melahirkan idea mereka secara kreatif dengan menerapkan teknologi digital dan teknik-teknik tradisional seperti melukis dan fotografi bersama, selain melatih mereka membangunkan pendekatan yang kritikal dan berdaya cipta apabila menghuraikan masalah.

Sementara itu, program sarjana muda dalam jurusan Rekaan Dalam pula menggalak kesedaran kritikal di kalangan pelajar mengenai proses rekaan.